

Penyelidikan herba perlu lebih sistematik

UM 24 OCT 2002

KUALA LUMPUR 23 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penyelidikan herba perlu dibuat secara lebih sistematik supaya perubatan herba dapat digunakan dengan lebih meluas termasuk untuk mengubati kanser.

Perdana Menteri berkata, menerusi penyelidikan yang lebih sistematik, bahagian-bahagian herba yang aktif dan berguna akan dapat disaring untuk dimanfaatkan bagi tujuan perubatan.

Menurutnya, pada masa ini perubatan herba di Malaysia banyak menggunakan kaedah percubaan terhadap sesuatu penyakit dan kadang kala percubaan itu mendapati ia amat berkesan.

“Sudah tiba masanya, penyelidikan perubatan herba dibuat secara sistematik supaya potensi sebenar herba dapat ditentukan,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Yayasan Inisiatif Penyelidikan Kanser (CARIF) di sini malam ini.

CARIF ditubuhkan awal tahun lalu dan ia merupakan organisasi penyelidikan kanser yang pertama di Malaysia yang tidak berorientasikan keuntungan.

Organisasi itu beroperasi dari hasil sumbangan pelbagai pihak dengan Petronas dan Yayasan Lim merupakan penyumbang utama.

Dr. Mahathir berkata, usaha penyelidikan itu perlu disegerakan bagi mengelakkan pihak luar membuat penyelidikan tentang herba Malaysia, menemui potensinya dan mempatenkan hasil penemuan itu di negara mereka.

Berasal

“Dari situ, mereka akan membuat wang dengan banyak dan kita tidak mendapat apa-apa walaupun herba itu berasal dari Malaysia,” katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan cuba menghalang herba Malaysia daripada dibawa keluar tetapi tidak menghalang penyelidikan luar untuk datang dan membuat penyelidikan di negara ini.

Bagi pihak kerajaan, katanya, pelbagai usaha telah dilakukan untuk menggalakkan penyelidikan herba termasuk penubuhan Lembaga Biologikal yang mengandungi tiga institusi penyelidikan.

Selain itu, katanya, kerajaan juga menyediakan peruntukan khas untuk penyelidikan herba serta mengeluarkan sebuah buku khas tentang herba yang digunakan untuk tujuan perubatan.

Dalam ucapannya itu, Dr. Mahathir juga berharap usaha CARIF itu akan membawa kepada penemuan ubat anti-kanser yang lebih murah dan mampu dibeli oleh orang ramai.

“Di sinilah perlunya sumbangan dari syarikat-syarikat besar untuk membiayai penyelidikan yang dijalankan,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, dalam bidang penyelidikan seumpama itu orang ramai tidak seharusnya mengharapkan kejayaan dalam masa yang singkat.